

KUMPULAN 1 –PETEMPATAN AWAL

- 1. Mata Pelajaran** : Geografi
- 2. Tingkatan** : 2 Arif
- 3. Tema** : Petempatan dan Perkembangannya (Tema 5)
- 4. Tajuk** : Petempatan Awal

5. Soalan Kurikulum

Soalan Penting : 1. Mengapakah manusia memerlukan tempat tinggal?

Soalan Unit : 1. Bagaimana manusia memilih lokasi petempatan awal?
2. Mengapa lembah sungai dipilih sebagai lokasi petempatan awal?

Soalan Kandungan : 1. Namakan petempatan awal di dunia?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan awal?

6. Objektif Pembelajaran

Pada akhir projek, pelajar dapat:

1. Mempersembahkan projek dalam bentuk laporan lisan dan bertulis
2. Mempersembahkan projek dalam bentuk Power Point
3. Menyediakan dan menyiapkan buku skrap
4. Mempamerkan hasil projek
5. Melabelkan lokasi petempatan awal pada peta dunia dan peta Malaysia

7. Ringkasan Pelajaran

Petempatan awal terdapat di kawasan lembangan sungai, muara sungai, kawasan gua, pinggir pantai dan tanah pamah. Pemilihan petempatan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti keselamatan, bentuk muka bumi, bekalan air, kegiatan ekonomi dan pengangkutan. Contoh-contoh petempatan awal di dunia ialah di Lembangan Sungai Tigris-Euphrates(Mesopotamia), Lembangan Sungai Nil, Lembangan Sungai Indus dan Lembangan Sungai Hwang He manakala contoh-contoh petempatan awal di Malaysia ialah di Lembah Bujang, Gua Niah, Kota Tampan, Kerajaan Johor-Riau dan Sungai Melaka.

8. Prosedur

Pra-projek

1. Guru memilih satu kumpulan terdiri daripada 3 hingga 5 orang pelajar dalam satu kelas yang sama.
2. Guru memberi dan membincangkan tajuk projek
3. Guru menetapkan tempoh masa selama 5 minggu untuk menyiapkan projek.
4. Pelajar membincangkan/berkolaborasi tentang soalan penting (Essential Question) dalam kumpulan dengan bantuan fasilitator (guru).

Minggu 1

1. Pelajar mendapatkan maklumat melalui internet, perpustakaan, buku teks dan brosur tentang pelancongan. Pelajar mencari maklumat tentang sejarah petempatan awal di dunia, Malaysia dan fokus kepada Sungai Melaka.
2. Pelajar mengumpul dan membincangkan maklumat yang telah diperolehi.
3. Guru mengenalpasti cara pelajar **akan** mempersembahkan projek

Minggu 2

1. Pelajar membuat lawatan di muzium dan sekitar Sungai Melaka untuk mengumpul maklumat sejarah dan aktiviti pembangunan yang terdapat di Sungai Melaka.

Minggu 3 dan minggu 4

1. Pelajar menyediakan persembahan multimedia tentang petempatan awal.
2. Pelajar menyediakan dan menyiapkan buku skrap
3. Rubrik peta dan multimedia
4. Pelajar berbincang dengan guru untuk memperbaiki hasil projek

Minggu 5

1. Pelajar membentangkan persembahan multimedia
2. Guru membuat ulasan terhadap pembentangan yang dilakukan
3. Pelajar mempamerkan bahan pameran dan buku skrap
4. Rubrik lisan

9. Tempoh Masa

5 minggu

10. Pengetahuan/Kemahiran Sedia Ada

- i. Pengetahuan am tentang negeri Melaka
- ii. Kemahiran mengakses internet, menyediakan Power Point.
- iii. Pengetahuan membuat buku skrap.

11. Bahan Bantu Mengajar/Sumber Pembelajaran

- i. Teknologi – Peralatan (Komputer, Kamera, Capaian Internet, Pencetak, LCD, Alat Pengimbas)
- ii. Teknologi – Perisian (Pemproses Imej)
- iii. Bahan Bercetak – Buku teks, brosur pelancongan
- iv. Sumber internet – laman web URL

12. Pentaksiran

Rubrik peta, multimedia Power Point dan lisan

13. Kata kunci – Petempatan awal